

22 OCT 1996

Najib-MIT

MIT BERSETUJU BANTU TUBUHKAN UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI

Oleh: Salmy Hashim

BOSTON (Massachusetts, Amerika Syarikat), 22 Okt (Bernama) -- Institut Teknologi Massachusetts (MIT) telah bersetuju mewujudkan satu perkongsian dengan Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (MUST) yang dicadangkan, kata Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak di sini Isnin.

Beliau berkata MUST, sebuah universiti swasta yang akan dibina di Selangor, dijadual mengambil kumpulan pertama kira-kira 50 pelajar untuk peringkat ijazah lanjutan pada September tahun depan.

Ini merupakan kali pertama MIT, antara institusi pengajian tinggi terkemuka di dunia, membabitkan diri dengan sebuah negara atas dasar yang komprehensif, kata Najib selepas mengadakan perbincangan setengah hari dengan anggota fakulti MIT.

MIT dan MUST dijangka menyerahkan cadangan lengkap kepada Kementerian Pendidikan untuk penubuhan universiti itu dalam masa dua hingga tiga minggu lagi.

Kementerian kemudian akan mengeluarkan satu surat jemputan untuk penubuhan MUST, kata Najib yang berada di Boston selama tiga hari dan dijadual singgah sehari di New York untuk melawat beberapa sekolah yang menawarkan kursus multimedia.

Lawatan Najib ke MIT adalah susulan kepada lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada bulan lepas ke universiti berusia 130 tahun itu yang terkenal kerana pengajian makmalnya yang telah melahirkan jurutera dan perekacipta yang inovatif.

Minat Dr Mahathir dalam MUST dan MIT adalah selaras dengan wawasannya untuk mewujudkan sebuah tenaga kerja yang mahir dan inovatif bagi koridor raya multimedia yang dicadangkan di Malaysia.

Penggerak utama MUST, Encorp Group Sdn Bhd, sebuah syarikat pelaburan swasta yang beribu pejabat di Kuching, dijangka membelanjakan RM400 juta untuk menubuhkan universiti itu.

Kos operasi dijangka antara RM20 juta dan RM30 juta setahun.

Jumlah itu adalah kecil jika dibandingkan dengan perbelanjaan MIT yang melebihi AS\$1 bilion setahun (RM2.5 bilion) dan sumber pendapatannya termasuk lebih AS\$200 juta (RM500 juta) setahun daripada tuisyen, kira-kira AS\$100 juta (RM250 juta) daripada bantuan, AS\$100 juta daripada pemberian hadiah dan AS\$700 juta (RM1.75 bilion) daripada penaja penyelidikan, kata Karl Koster, pengarah pembangunan korporat MIT.

Pengerusi Eksekutif Encorp Datuk Effendi Norwawi menjangka MUST akan mengalami kerugian untuk tempoh lima tahun pertama.

Jarang sesebuah universiti mencatatkan sebarang keuntungan, katanya, tetapi "kita melakukannya atas sebab-sebab sosio-ekonomi dan jika kerajaan meluluskan projek itu, ia akan menjadi satu pencapaian besar bagi negara kita."

Encorp, yang ditubuhkan pada tahun 1995, mempunyai kepentingan dalam industri perbankan, pembangunan hartanah, industri makanan, simen dan hiburan.

Effendi merancang untuk mewujudkan sebuah yayasan bagi membantu membiayai universiti itu dan berharap sektor swasta Malaysia menyokong MUST bagi faedah masa depan industri dan keutuhan ekonomi negara.

Perkongsian MIT dengan MUST termasuk program penyelidikan bersama, pertukaran anggota fakulti dan pelajar dan penyertaan industri Malaysia.

Matlamat MUST ialah menawarkan program-program penyelidikan dalam bahan termaju, bioteknologi, mikroelektronik, infrastruktur dan pengeluaran

berjentera, kata Prof Fred Moavenzadeh dari jabatan sivil dan kejuruteraan  
alam sekitar MIT. -- BERNAMA  
SH AKD